



**"Dalam** perjuangan menuntut kemerdekaan dan pembentukan negara Malaya, perkara yang menjadi perhitungan terpenting ialah persoalan pembinaan jiwa.

Pertama, kita harus memupuk gagasan "Hidup Berbilang, Makmur Bersama". Kita sedia maklum bahawa Malaya adalah negeri yang didiami oleh pelbagai kaum. Setiap kaum yang terlibat dalam meneroka dan membangunkan tanah bertuah ini mempunyai sumbangan masing-masing yang wajar dihargai. Semua kaum harus dilayan sebagai anggota dalam sebuah keluarga, justeru mempunyai hak dan kewajipan yang sama agar semua pihak yakin bahawa rahmat boleh dinikmati bersama, dan tanggungjawab juga wajib dipikul bersama dalam saat-saat genting demi membina sebuah negara yang utuh dan kukuh.

Kedua, memupuk keyakinan menjadikan Malaya sebagai Kampung Halaman yang Pertama. Peringatan ini khusus ditujukan kepada golongan kaum pendatang. Harus diingatkan bahawa walaupun Saudara mempunyai negara asal, tetapi keturunan Saudara kini sudah menjadi anak Malaya. Malayalah satu-satu Tanah Pertiwi dan Kampung Halaman buat selama-

lamanya. Hanya kepentingan Malaya sahajalah perhitungan utama Saudara. Dan negara selain dari Malaya tak lebih sebagai negara rakan sahaja.

Pembinaan jiwa adalah asas segala pembangunan. Kalau matlamat pembinaan jiwa belum tercapai, pastinya bermacam-macam persengketaan di luar dugaan akan galak berlaku.

Mendorong pembinaan jiwa adalah menjadi tanggungjawab tokoh pelopor sebuah zaman dan juga tanggungjawab setiap insan.

Barang siapa yang menolak gagasan "Hidup Berbilang, Makmur Bersama" adalah berdosa terhadap Malaya. Barang siapa yang akur sebagai warganegara Malaya, tetapi menolak Malaya sebagai negara pertiwinya juga berdosa terhadap Malaya.

Pada masa kini, perkembangan kebudayaan dan ekonomi antara kaum di Malaya amat tidak seimbang. Ini adalah gejala yang amat mengecewakan. Namun, kami percaya bahawa manusia dilahirkan dengan penganugerahan yang sama, hanya tahap perkembangan kebudayaan dan ekonomi sesuatu kaum itu mungkin berbeza pada peringkat tertentu, tiada jurang perbezaan antara yang mampu dan yang tak mampu. Kalau dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah saksama, ketidak-seimbangan tersebut dengan mudah bisa diperbaiki. Tidak

mungkin berlaku keadaan yang unggul selamalamanya unggul, dan yang terkebelakang kekal terbelakang. Ini adalah aspek yang perlu diberi perhatian dalam persoalan pembinaan jiwa.

Saya yakin batas dan sempadan antara pelbagai kaum di Malaya akan sirna pada suatu hari nanti. Akhirnya masing-masing menjalani kehidupan yang sama dan menjadi anggota satu keluarga. Kita harus mempunyai perspektif dan wawasan sedemikian, dan berganding bahu berpadu tenaga untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Saya percaya teman-teman Melayu saya yang berfikiran terbuka akan akur dengan pandangan saya ini.

Akhir kalam, ingin saya mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua. Merdeka!

*(Perutusan yang disampaikan oleh Sdr. Lim Lian Geok atas undangan Utusan Melayu edisi khas sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri 1956. Terjemahan ini diusahakan oleh Dr. Chong Fah Hing berpadukan teks penuhnya dalam bahasa Cina)*

## PERSOALAN PEMBINAAN JIWA

Perutusan Sdr. Lim Lian Geok

Sempena Perayaan Hari Raya Aidilfitri, 1956

## GAGASAN "HIDUP BERBILANG, MAKMUR BERSAMA" ANJURAN MENDIANG LIM LIAN GEOK

Sejak zaman pra kemerdekaan lagi, Lim Lian Geok telah pun menyeru agar semua rakyat tanpa mengira kaum bersatu hati dan berpadu tenaga membangunkan negara atas prinsip "Hidup Berbilang, Makmur Bersama". Dalam usaha memberi acuan kepada sekolah Cina selaras dengan persekitaran di Malaya pada ketika itu, beliau senantiasa mengingatkan guru-guru sekolah Cina supaya tidak mengabaikan tanggungjawab memupuk sikap cintakan negara di kalangan pelajar. Sebagai usaha memupuk semangat patriotik di kalangan warga keturunan Cina, mendiang Lim Lian Geok memainkan peranan penting mendorong Jiao Zong terlibat secara aktif dalam program penggabungan kurikulum baru serta penerbitan buku teks sekolah Cina yang berorientasikan Malaya.

Menyedari jurang sosio-ekonomi yang ketara 7di antara kaum pada zaman pra kemerdekaan, beliau menyeru pihak pemerintah menangani secara serius kepincangan sedia ada dengan membantu kaum Melayu agar mereka dapat maju seiring dengan kaum-kaum lain khususnya dari segi ekonomi, seterusnya dapat berganding bahu memburu kemajuan dan kemakmuran bersama.

### Lim Lian Geok

(1901-1985), pejuang masyarakat sivil zaman selepas perang dan pejuang pendidikan Cina yang terkenal dalam sejarah Malaya. Pernah dipilih sebagai Pengerusi Jiao Zong (Persekutuan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina) pada tahun 1953. Kelayakan beliau sebagai guru dan hak kerakyatan beliau dirampas pada tahun 1961 akibat penentangan beliau terhadap tindakan penstrukturan semula sekolah menengah Cina yang dilaksanakan oleh kerajaan. Beliau dinobatkan sebagai "Jiwa Bangsa" oleh masyarakat Cina dan meninggal dunia pada tahun 1985.



LLG CULTURAL DEVELOPMENT CENTRE BERHAD  
(No Syarikat 340615-V)

321-D, Lorong T.A.R. Kanan Satu,  
Off Jalan Tuanku Abdul Rahman,  
50300 Kuala Lumpur.

E-mail: info@llgcultural.com  
Web: www.llgcultural.com  
Tel:03-26971971/2  
Fax:03-26971970

(June 2010)

# PERSOALAN PEMBINAAN JIWA

اورغ دا كيم بع تيشكل دمليا دالينكن  
دوكتيشن ملايا ككتيشن توت  
بوسا ملان  
سماي فرموان ككتيشن  
منجهي مرمانك دان ستروق  
ماتو بسا ملان مله اوسما  
ككتيشن بع مدرس ميلايكن، قد  
شكران ساهو اذله ستروق  
برايكون فرم سكران ككت  
مادرو ستروق شيران دان  
چينا اتروق ميدوق برمانون  
ككتيشوران برمان ككت سوا  
قوم هوو ملايا اذله ستروق  
تكري بع دودوكتي اوله  
اين ته قوم دان ريفت قوم  
برياكي قومي سويانن كران  
ككتيشوران تكري ابي ككت  
مادرو ملان سوا قوم ابي  
ككت ساتو كوفاركت بع ابي  
مزماسين بع موان ليكرو  
مكوجيوس بع موان توي  
اوجر نوان ليم ليان كوي  
فرميدنه فرمكوان فرموان  
قورودو كوجو چينا ملايا  
ككتيشن مادنوس ميري  
ككتيشن كده مريكت هه  
ككت سوا اكن برمان  
بع موان فرموان  
ان

